

## AMALAN PENGAJARAN KEUSAHAWAN DALAM PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL

*Ummi Aishah Mohd Mustafa<sup>1</sup>, Suhaida Abdul Kadir<sup>2</sup> & Zaidatul Akmaliah Lope Pihie<sup>2</sup>*

<sup>1</sup>*Kementerian Pendidikan Malaysia*

<sup>2</sup>*Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia*

### **Abstrak:**

Pendidikan Teknik dan Vokasional merupakan pendidikan yang menekankan konsep pendidikan seumur hidup kepada pelajar. Pendidikan keusahawanan merupakan satu cara untuk membantu pelajar untuk berdikari dengan bekerja sendiri tanpa bergantung kepada orang lain dan membolehkan mereka menyumbang kepada masyarakat. Pemilihan kaedah pengajaran yang bersesuaian amat penting dalam pengajaran keusahawanan untuk membolehkan tahap pemahaman pelajar dalam pembelajaran keusahawanan. Antara kaedah pengajaran yang sesuai untuk pengajaran keusahawanan ialah pengajaran berpusatkan pelajar.

### **Pengenalan**

Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) merupakan satu pendidikan yang menekankan konsep pendidikan seumur hidup kepada para pelajar. PTV di Malaysia menyediakan latihan kursus untuk kemahiran vokasional bagi melahirkan pelajar yang mempunyai pengetahuan, kemahiran asas dan juga mempersiapkan mereka untuk memasuki alam pekerjaan kelak. Di Malaysia terdapat dua aliran dalam pendidikan teknik dan vokasional pada peringkat menengah iaitu aliran teknikal dan aliran vokasional. Aliran teknikal dikhususkan kepada pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang baik dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR). Antara kursus yang ditawarkan dalam aliran teknikal ialah Kejuteraan Mekanikal, Kejuteraan Elektrik, Perdagangan, dan Sains Pertanian. Dalam aliran teknikal terdapat pelajar perlu mengambil dua pelajaran iaitu matapelajaran teras dan matapelajaran elektif.

Pendidikan keusahawanan sangat berkait rapat dengan pendidikan teknikal di Malaysia. Keusahawanan kini dilihat sebagai salah satu cara untuk mengurangkan kebergantungan rakyat Malaysia terhadap kerajaan untuk menyediakan peluang pekerjaan. Oleh itu pendidikan keusahawanan amat penting dalam melahirkan bakal usahawan kelak. Selain itu pendidikan usahawan juga menjadi fenomena penting yang menyumbang dalam ekonomi dan sosial sebagai salah satu subjek kajian utama (Li, 2011).


### Pendidikan Keusahawanan

Pendidikan keusahawanan adalah satu proses yang dilalui oleh pelajar dimana pelajar memperoleh satu set koptensi untuk membolehkan mereka menjadi individu yang hebat, memberi faedah kepada social dan ekonomi. Hal ini membolehkan mereka mengaplikasikan kompetensi yang diperolehi dalam semua aspek kehidupan manusia (ECORYS UK Limited, 2011). Li (2011) berpendapat pendidikan keusahawanan merupakan salah satu daripada instrument utama untuk meningkatkan sikap keusahawanan bagi individu yang berpotensi untuk menceburkan diri dalam bidang usahawan. Disamping itu, pendidikan keusahawanan merupakan salah satu cara untuk meningkatkan dan menanamkan sikap keusahawanan dalam kalangan pelajar. Oleh itu, pendidikan keusahawanan juga seharusnya mampu menjadikan seseorang pelajar menjadi usahawan (Li, 2011). Shane & S. Venkataraman (2000) pula berpendapat bahawa pendidikan keusahawanan merupakan pertukaran dan kemudahan pengetahuan dan koptensi tentang bagaimana, oleh siapa dan dengan apa yang akan memberi kesan kepada peluang untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan melalui proses penilaian dan eksploitasi.

Pendidikan keusahawanan dalam pendidikan teknikal bertujuan untuk: (Commission European, 2009)

- Mengeksploitasikan peluang yang ada disekeliling mereka
- Membangunkan idea melalui produk atau servis
- Mewujudkan rangkaian dengan pelajar atau orang dewasa
- Menerima dan mengaplikasikan pilihan mereka
- Kesedaran tentang kepentingan berkerja sendiri sebagai pilihan utama
- Menguruskan sumber dan wang dengan cara yang bertanggungjawab
- Memahami cara untuk mengoperasikan organisasi dalam masyarakat

Mwasalwiba (2010) pula mengeluarkan objektif pendidikan keusahawanan hasil dari kajian keatas 20 artikel keusahawanan. Objektif pengajian keusahawanan adalah untuk melahirkan pelajar yang dapat memulakan pekerjaan apabila bergraduat, dapat menyumbang sesuatu kepada masyarakat, merangsang kemahiran keusahawanan pelajar daripada ilmu yang diperolehi dan dapat menaikkan semangat keusahawanan dalam diri pelajar



Objektif umum pengajian keusahawanan. (Mwasalwiba, 2010)

Disamping itu menurut Li (2011) terdapat beberapa rasional pendidikan keusahawanan menurut perspektif sempit dan perspektif menyeluruh iaitu:

Rasional	Perspektif sempit	Pemikiran menyeluruh
Rasional keseluruhan	Menukarkan pelajar menjadi usahawan	Memupuk keusahawanan dalam kalangan pelajar
Hasil pembelajaran	Menjadi alat untuk mengaplikasikan kemahiran yang diperolehi	<i>Opportunity recognition</i> dan kemahiran menilai
Rasional dari sudut pengajaran	Pemindahan ilmu pengetahuan	Pemudahan ilmu pengetahuan
Rasional dari sudut universiti	Aktiviti <i>Ad-on</i>	Aktiviti teras yang strategic
Rasional dari sudut makro ekonomi	Lebih banyak insentif pengetahuan untuk memulakan perniagaan dalam ekonomi	Menambahkan pengetahuan yang didapati dari university

Rasional pendidikan keusahawanan menurut perspektif sempit dan perspektif menyeluruh dalam pendidikan keusahawanan (Li, 2011)


### Amalan Pengajaran

Pendidikan keusahawanan adalah sama dengan proses pendidikan biasa yang melibatkan guru atau instruktur sebagai tempat untuk mendapatkan bimbingan dan ilmu pengetahuan (Yu & Man, 2007). Oleh itu kaedah pengajaran yang digunakan adalah mengikut asas dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub, & Mohd Zohir Ahmad (2003) menjelaskan bahawa pengajaran dan pembelajaran akan memberi kesan terhadap perubahan yang relatif yang kekal samada dalam bentuk ekspilisit ataupun implisit. Antara teori pengajaran ialah teori The Nine Events of Instruction (Robert, 1977). Teori ini menyatakan menyatakan terdapat 9 amalan pengajaran yang perlu diamalkan oleh guru dalam pengajaran seharian iaitu:

1. Menarik minat pelajar
2. Menentukan tujuan/objektif pembelajaran
3. Mengambil kira pengetahuan pengalaman sedia ada pelajar
4. Menyampaikan isi kandungan pelajaran
5. Memberi bimbingan dalam pembelajaran
6. Mempraktikkan apa yang dipelajari
7. Mendapatkan maklumbalas
8. Menilai kebolehan pelajar
9. Memindahkan ilmu yang diperolehi dalam kerjaya pelajar.

Disamping itu, antara model pengajaran asas yang digunakan guru untuk mengajar keusahawanan ialah Model pengajaran Robert Glaser (1962). Model pengajaran ini membahagikan proses pengajaran kepada empat komponen iaitu:




*Model pengajaran Robert Glaser (1962)*


1. Menentukan objektif pelajaran yang sesuai dengan tahap pelajar. Objektif pengajaran ini menerangkan dapatan yang ingin dicapai yang dapat dikuasai oleh pelajar selepas proses pembelajaran berlaku.
2. Pengetahuan sedia ada pelajar akan digunakan untuk menentukan objektif pengajaran yang sesuai serta bagi merancang serta melaksanakan aktiviti pengajaran.
3. Kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan objektif hendaklah digunakan supaya hasil pengajaran yang diharapkan dapat dicapai.
4. Penilaian dan pembelajaran ialah proses terakhir dimana ianya dilakukan diakhir pengajaran. Penilaian dibuat untuk menilai sejauh mana keberkesanan pengajaran guru dan sejauhmanakah objektif yang ditetapkan oleh guru tercapai.

Selain itu Model Logikal Pengajaran LIM (Lorber & Pierce, 1982) juga boleh digunakan sebagai model asas dalam pengajaran pendidikan keusahawanan. Model ini memerangkan secara terperinci tentang apa yang perlu dilakukan oleh guru sekiranya pengajaran yang dirancang tidak berjalan seperti yang dikehendaki. Model ini menyatakan bahawa proses pengajaran dimulakan dengan langkah pertama iaitu penentuan objektif pengajaran jelas dan tepat. Langkah kedua ialah menentukan mentaksir dan menentukan kebolehan pelajar. Langkah ketiga ialah mengajar dengan menggunakan prinsip-prinsip asas pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan berkesan. Langkah keempat pula ialah penilaian terhadap pengajaran.

Selain itu model Kamarudin Hj Husin & Kamarul Azhar (1994) menerangkan secara terperinci apa yang perlu dilakukan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Antara aktiviti yang berlaku dalam proses penagajaran dan pembelajaran menurut model Kamarudin Hj Husin & Kamarul Azhar (1994) adalah seperti berikut:




Model Logikal Pengajaran LIM (Lorber & Pierce, 1982)



Model pengajaran (Kamarudin Hj Husin & Kamarul Azhar, 1994)

Disamping itu antara model pengajaran asas yang digunakan untuk proses pengajaran dan pembelajaran ialah The Instructional Model (Popham & Baker, 1970). Model ini mempunyai empat unsur iaitu penyediaan objektif pengajaran secara jelas dan tepat, penaksiran kebolehan murid sebelum pengajaran, aktiviti pengajaran yang dilakukan guru untuk mencapai objektifnya dan penilaian untuk mengukur pencapaian objektif. Model ini menambah bahawa penilaian perlu dilakukan oleh guru jika objektif pengajaran tidak tercapai.

Jika objektif tidak tercapai, ubahkan



Jika objektif tercapai, tambahkan

*The Instructional Model (Popham & Baker, 1970).*

Model Pengajaran Keusahawanan

Model Pembelajaran Kolb

<b>III: Aplikasi Aktif</b> Perubahan dalam kemahiran dan sikap	<b>II: Aplikasi Reflektif Perubahan dalam Penghargaan</b>
Main peranan Simulasi Aktiviti berstruktur Diari/buku log Kerja lapangan Projek Lawatan	Tayangan filem Dialog Perbincangan terhad Kajian kes Pengajaran berasaskan penyelesaian masalah Pengajaran terancang
<b>IV: Teori Aktif</b> Perubahan dalam pemahaman	<b>I: Teori Reflektif</b> Perubahan ilmu pengetahuan
Pembelajaran secara berkumpulan Perbincangan secara berdebat Makmal Analisi/penilaian/pengukuran Tutor	Kuliah Pembacaan Edaran Peperiksaan

Sumber : Ulrich, TA dan Cole, GS (1987): pp36

Fasa pertama dan Fasa kedua dalam model Kolb menjadikan pelajar bertindak sebagai pemerhati dan tidak terlibat secara aktif dalam pembelajaran dan guru akan bertindak secara aktif. Manakala dalam Fasa ketiga dan keempat, pelajar akan bertindak sebagai pelaksana sesuatu aktiviti yang dirancang guru. Kolb (1984) menyatakan Fasa 3 dan Fasa 4 adalah fasa yang paling sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran keusahawanan pelajar. Hal ini adalah kerana fasa dapat melatih pelajar secara langsung dengan masalah atau sesuatu perkara. Pelajar juga dapat memahami dengan lebih jelas apa yang dipelajari berdasarkan aktiviti yang mereka jalankan dalam pembelajaran.

Dalam pendidikan keusahawanan juga antara kaedah mengajar yang paling kerap digunakan oleh guru ialah syarahan, simulasi berkomputer dan permainan perniagaan, student companies, kerja projek dan kerja kumpulan, lawatan, praktikum di tempat kerja. Pementoran dan bimbingan, lakonan, perbincangan, brainstorming dan kajian kes adalah kaedah yang kurang digunakan oleh guru dalam mengajar keusahawanan dalam pendidikan teknik dan vokasional (Commission European, 2009). Kai (2010) menjelaskan antara kaedah yang kerap digunakan



untuk mengajar keusahawanan ialah pengalaman secara tak lansung, kuliah, penceramah jemputan, lawatan perniagaan, lawatan sambil belajar serta pembangunan pemulaan peniagaan yang sebenar. Menurut Li (2011) usahawan memerlukan bukan sahaja pengetahuan(seni) malah mod tingkah laku dan kemahiran(sains) bagi membolehkan mereka menjadi bakal usahawan yang berjaya dan berilmu pengetahuan. Kaedah pengajaran tradisioanal seharusnya seperti syarahan haruslah disokong oleh kaedah pengajaran baru untuk melengkapkan pengajaran dalam pendidikan keusahawanan. Li (2011) juga berpendapat bahawa model pengajaran secara pengalaman amat sesuai untuk digabungkan dengan kaedah tradisional.

Antara model yang sesuai untuk mengajar keusahawan ialah Model Camp (Kai, 2010). Model Camp merupakan model yang digunakan untuk mengajar keusahawanan secara berkesan. Model ini berbeza dengan model pengajaran tradisional yang sering digunakan oleh guru dalam kelas untuk mengajar keusahawanan kerana model ini melibatkan pelajar untuk terjun kebidang yang ingin dipelajarinya. Model ini juga dapat membantu melatih pelajar memulakan proses dalam perniagaan dan mendekatkan mereka dengan kehidupan seorang usahawan. Pelajar akan didedahkan dengan pembelajaran luar bilik darjah menerusi model Camp. Mereka akan bercampur dengan individu yang berbeza yang terlibat dengan keusahawanan bagi membolehkan mereka keluar dari kebiasaan pengajaran iaitu dalam kelas.

Dalam Model Camp ini, pelajar akan belajar dalam situasi diluar bilik darjah. Mereka akan bercampur dengan pelajar dari latar belakang kursus yang berbeza dari sekolah berbeza atau orang luar yang terlibat dengan perniagaan. Keadaan ini adalah untuk membolehkan mereka keluar dari kebiasaan pengajaran iaitu dalam kelas. Guru hanya bertindak sebagai pembimbing yang akan mendorong pelajar bagi menyelesaikan masalah yang timbul sepanjang proses yang berlaku dalam pengajaran kehidupan sebenar seorang usahawan. (Bager, 2010) menyatakan antara intipati atau syarat pengajaran menggunakan model Camp ialah selalunya hanya 20-50 orang dalam satu kelas. Disamping itu, pelajar juga hendaklah bertindak dengan cepat dalam menyiapkan kerja kumpulan yang diberikan oleh guru dengan masa yang terhad. Kerja kumpulan yang diberikan oleh guru haruslah datang dari pelbagai disiplin keusahawanan bagi meningkatkan idea baru dan mencambah konsep yang inovatif untuk menyelesaikan masalah. Penglibatan organisasi luar juga penting bagi menjayakan aktiviti yang dirancang oleh guru. . Penglibatan organisasi luar ini bertujuan untuk mereka berkongsi pengalaman dan mereka mampu menggariskan beberapa masalah inovasi yang bakal dihadapi para pelajar apabila mereka bergelar usahawan kelak.

Antara hasil pengajaran dan pembelajaran yang akan didapati daripada model ini ialah ialah:

1. Pelajar akan meningkatkan kemahiran dalam disiplin keusahawanan dengan sendirinya.
2. Meningkatkan kefahaman dan mengaplikasikannya kedalam kehidupan sebenar.
3. Mengalami pembelajaran yang cepat dengan bergiat aktif dalam kegiatan keusahawanan.
4. Dapat berlatih untuk menghasilkan idea berkaitan dengan masalah perniagaan.
5. Berlatih dan dapat menilai konsep baru dan membuat perancangan bagi menyelesaikan masalah.

Antara pedagogi yang diamalkan guru menerusi Model Camp ini ialah

1. Pembelajaran bersasaskan masalah (*Problem based learning*)
2. Pembelajaran tindakan (*Action learning*)
3. Pembelajaran berorientasikan masa depan (*Future oriented learning*)

### **Kesimpulan**

Pendidikan keusahawan seharusnya boleh menjadi medium untuk menerapkan kemahiran keusahawan dalam diri pelajar agar mereka dapat berdikari dan mampu membuat keputusan dalam apa jua keadaan. Peranan guru yang amat besar dalam membimbing pelajar perlu diambil perhatian oleh semua pihak. Sesungguhnya satu langkah yang berkesan perlu diambil bagi memastikan keberkesanan pengajaran dalam pendidikan keusahawan di Malaysia secara amnya dan dalam bidang Pendidikan Teknik Vokasional secara khususnya.

### **Bibliografi**

- Bager, T. (2010). The camp model for entrepreneurship teaching. *International Entrepreneurship and Management Journal*, 7(2), 279–296.
- Commission European. (2009). *Entrepreneurship in Vocational Education and Training*.

- ECORYS UK Limited. (2011). *Entrepreneurship Education: Enabling Teachers as a Critical Success Factor*. Brussels.
- Kai, L. (2010). An introduction to a new entrepreneurship education method—camp model. *The 2nd International Conference on Information Science and Engineering*
- Kamarudin Hj Husin, & Kamarul Azhar. (1994). *Asas Pendidikan III: Perkembangan dan Pelaksanaan Kurikulum*. Petaling Jaya: Longman Malaysia.
- Li, J. (2011). *Entrepreneurship Education*.
- Lorber, M. A., & Pierce, W. D. (1982). *Objectives, Methods, and Evaluation For Secondary Teaching* (Second Edi.). New Jersey: Prentice Hall.
- Mwasalwiba, E. S. (2010). Entrepreneurship education: a review of its objectives, teaching methods, and impact indicators. *Education + Training*, 52(1), 20–47.
- Popham, W. J., & Baker, E. L. (1970). *Systematic Instruction*. New Jersey: Prentice Hall.
- Robert, M. G. (1977). *The Conditions of Learning* (Third Edit.). Florida: Florida State University.
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub, & Mohd Zohir Ahmad. (2003). *Pedagogi : Strategi dan Teknik Mengajar dengan Berkesan*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Shane, S., & S. Venkataraman. (2000). The Promise Of Entrepreneurship. *Academy of Management Review*, 25(1), 217–226.
- Yu, C. W. M., & Man, T. W. Y. (2007). The sustainability of enterprise education: a case study in Hong Kong. *Education + Training*, 49(2), 138–152.